

27/08/1999

ITM jadi universiti (HL)

Jamhariah Jaafar; Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan pertemuan dengan pelajar Institut Teknologi Mara (ITM) hari ini, mengumumkan kenaikan taraf institut itu menjadi Universiti Teknologi Mara (UTMara).

Perdana Menteri berkata, perkara itu sudah ditangguhkan terlalu lama sedangkan ITM kini sudah berkembang pesat dan melahirkan ramai siswazah yang cemerlang serta memainkan fungsi penting dalam pembangunan negara.

"Oleh kerana percaya dan yakin dengan kebolehan pelajar dan ITM sendiri, kerajaan setuju ITM dinaikkan taraf dan ditukar nama menjadi Universiti Teknologi Mara," katanya disambut sorakan gemuruh hadirin.

Dr Mahathir yang diberi sambutan meriah kira-kira 15,000 pelajar, tenaga pengajar dan bekas pelajar ITM yang menyertai Perhimpunan Perdana Siswazah ITM di Stadium Malawati di sini, turut mengambil kesempatan bertemu dengan pelajar.

Beliau yang kelihatan terharu dengan sambutan hangat diberikan, tidak menduga dengan tepukan dan sorakan gemuruh pelajar dan kakitangan ITM yang begitu gembira dengan pengumuman itu.

"Saya gembira berjumpa begitu banyak pelajar dan bekas pelajar yang melahirkan rasa syukur mereka kerana mendapat pendidikan yang begitu baik di negara ini," katanya.

Pada sidang akhbar selepas itu, Perdana Menteri mengaku beliau sejak dulu lagi keberatan untuk menerima cadangan menaikkan taraf ITM demi menjaga kepentingan pelajar Bumiputera yang tahap pelajarannya tidak begitu cemerlang.

"Saya mengaku saya sudah menolak cadangan ITM ini untuk menjadi universiti sejak zaman Tan Sri Arshad (bekas Pengarah ITM, Tan Sri Arshad Ayub) lagi.

"Sebenarnya, perkara ini sudah tertangguh terlalu lama, sehingga ITM sudah menjadi terlalu besar dan ramai pelajarnya mencapai kejayaan.

"(Pada masa sama) Saya tidak mahu menghalang pelajar yang dulu ada potensi untuk memasuki ITM. Sebab itu saya tekankan kursus diploma mesti diteruskan," katanya.

Beliau berkata, oleh kerana ITM mempunyai fungsi yang amat penting kepada negara, status institut itu yang khusus untuk golongan Bumiputera tidak akan berubah.

"Saya boleh beri jaminan jika anda pergi ke mana-mana negara sedang membangun lain, tidak ada satu negara pun yang mempunyai institusi pendidikan seperti ITM.

"ITM adalah satu institusi yang begitu unik dan tidak dimiliki mana-mana negara lain. Jadi saya fikir kita patut berbangga dengan ITM yang setakat ini sudah pun mengeluarkan lebih 50,000 graduan," katanya.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, ketika diminta mengulas lanjut berkata, walaupun penggunaan nama ITM boleh diubah serta merta kepada Universiti Teknologi Mara, pindaan Akta ITM perlu dilakukan secepat mungkin.

Justeru, akta itu mungkin dapat dipinda pada persidangan Parlimen akan datang.

"Kita juga perlu melihat pelbagai aspek lain, terutama membabitkan kedudukan kakitangan dan yuran pengajian," katanya.

Beliau berkata, status universiti tidak akan menjejaskan fungsinya hanya untuk golongan Bumiputera dan kira-kira 70 peratus daripada kursus yang

ditawarkan masih di peringkat diploma.

ITM sebenarnya berasal daripada penubuhan Dewan Latihan Perbadanan Pembangunan Industri Luar Bandar (Rida) pada 1956, dengan pengambilan awal hanya 25 orang.

Namanya ditukar kepada Maktab Mara pada 1965 sebelum dinaikkan taraf kepada ITM pada 1967. Pada 1970, ia diberi kuasa autonomi dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Akta ITM yang diluluskan Parlimen pada 1976 membolehkannya diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan, sebelum dipinda sekali lagi pada 1996 bagi membolehkan ia berfungsi seperti universiti tempatan lain.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata cadangan beberapa pihak supaya Akta Kolej dan Universiti (AUKU) dipinda akan dikaji dengan teliti, tetapi hakikatnya ialah akta itu tidak pernah menghalang pelajar daripada meneruskan pengajian masing-masing.

"Saya tidak mahu akta itu menghalang pelajar daripada belajar, sebaliknya mengelakkan mereka daripada terbabit dengan kegiatan yang tidak ada kaitan dengan pelajaran.

"Saya hendak kita gunakan masa sepenuhnya ketika dalam universiti untuk menguasai ilmu. Ada masa yang banyak untuk kita aktif dalam bidang lain.

"Negara membelanjakan begitu banyak duit rakyat untuk memberi peluang kepada pelajar mendapat ilmu. Oleh itu, saya berpendapat eloklah kalau mereka tumpukan pada penguasaan ilmu yang amat penting bagi pembangunan negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, pelajar yang mendesak supaya AUKU dimansuhkan ialah mereka yang tidak berminat dengan pelajaran.

"(Ada kes) Seorang pelajar perubatan terbabit dalam demonstrasi. Ia tidak menolong sesiapa, tidak dirinya, tidak keluarganya atau negara. Jika tidak belajar, mereka yang rugi," katanya.

(END)